



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my

Ruj. Kami : MOF.BPK 600-22/10/6 Jld. 3 (28)

Tarikh : 19 Ogos 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DALAM SISTEM ePEROLEHAN (eP)
BAGI PEKELILING PERBENDAHARAAN BERKAITAN PEROLEHAN
KERAJAAN (PP/PK) 2.17 - PERATURAN BAGI PEROLEHAN SENGGAHAN BOT
KECIL, PEMBAIKAN KECIL DAN PEMBAIKAN KECEMASAN SEMASA
BEROPERASI BOT/KAPAL KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya mohon perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan (MoF) telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Dalam Sistem ePerolehan (eP) Bagi Pekeliling Perbendaharaan Berkaitan Perolehan Kerajaan (PP/PK) 2.17 - Peraturan Bagi Perolehan Senggahan Bot Kecil, Pembaikan Kecil Dan Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi Bot/Kapal Kerajaan seperti yang dilampirkan. Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam melaksanakan perolehan di bawah PP/PK 2.17 melalui Sistem eP.

3. Justeru, kerjasama pihak Kementerian adalah dimohon untuk memanjangkan salinan surat ini kepada semua PTJ di bawah seliaan Kementerian masing-masing. Salinan garis panduan ini juga boleh dimuat turun melalui Portal ePerolehan (<https://www.eperolehan.gov.my/download-guideline/procedure>). Perhatian dan kerjasama pihak Kementerian berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan

s.k.:

1. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar**
Ketua Setiausaha Negara
2. **YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
3. **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

EDARAN DALAMAN (MOF)

1. **YBhg. Datuk Ramzi bin Mansor**
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)
2. **YBhg. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin**
Ketua Pengarah Kastam
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
3. **YBhg. Datuk Nor Yati binti Ahmad**
Akauntan Negara
Jabatan Akauntan Negara
4. **YBrs. Sr. Abdul Razak bin Yusak**
Ketua Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
5. **YBrs. Tuan Leonard Wilfred Yussin**
Pegawai Kewangan Persekutuan
Perbendaharaan Malaysia Sarawak
6. **YBrs. Tuan Norali @ Ag Norali bin Ag Damit**
Pegawai Kewangan Persekutuan
Perbendaharaan Malaysia Sabah
7. **YM Raja Muhammad Azhan Shah bin Raja Muhammad**
Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan

EDARAN LUAR

1. **Encik Abdul Halim bin Mohamad**
Ketua Pegawai Operasi
Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
Tingkat 2, Bangunan Amtek
No. 15, Jalan Tandang
Petaling Jaya
SELANGOR

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DALAM SISTEM ePEROLEHAN (eP) BAGI PEKELILING PERBENDAHARAAN BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN (PP/PK) 2.17 - PERATURAN BAGI PEROLEHAN SENGARAAN BOT KECIL, PEMBAIKAN KECIL DAN PEMBAIKAN KECEMASAN SEMASA BEROPERASI BOT/KAPAL KERAJAAN

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi melaksanakan perolehan melalui Sistem ePerolehan (eP) berdasarkan ketetapan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Perolehan Kerajaan (PP/PK) 2.17 - Peraturan Bagi Perolehan Sengaraan Bot Kecil, Pembaikan Kecil Dan Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi Bot/Kapal Kerajaan. Sehubungan itu, garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan PP/PK 2.17 (rujuk <https://ppp.treasury.gov.my>).

2. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/PTJ

2.1. Kementerian/PTJ hendaklah mengambil tindakan dalam Sistem eP mengikut kaedah perolehan, nilai perolehan dan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) yang ditetapkan dalam PP/PK 2.17:

2.1.1. Bagi pembelian terus dengan nilai perolehan hingga RM50 ribu dan Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa sebagai PBM:

(a) Pelaksanaan kaedah perolehan secara pembelian terus dalam Sistem eP adalah seperti sedia ada.

2.1.2. Bagi sebut harga dengan nilai perolehan melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu dan Jawatankuasa Sebut Harga sebagai PBM:

(a) Pelaksanaan kaedah perolehan secara sebut harga dalam Sistem eP adalah seperti sedia ada; atau

(b) Bagi perolehan bernilai melebihi RM200 ribu yang dilaksanakan dengan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP), rujuk perenggan 2.2.2 hingga 2.2.4 garis panduan ini.

2.1.3. Bagi sebut harga dengan nilai perolehan melebihi RM500 ribu hingga RM50 juta dan Lembaga Perolehan (LP) Agensi sebagai PBM serta sebut harga dengan nilai perolehan melebihi RM50 juta dan Kementerian Kewangan sebagai PBM:

- (a) Proses perolehan dalam Sistem eP dilaksanakan seperti sedia ada dan Urus Setia Perolehan hendaklah memilih 'Kaedah Perolehan' : 'Tender' dalam Sistem eP memandangkan PBM adalah kekal mengikut peraturan perolehan sedia ada.

Kaedah Perolehan

- (b) Bagi memendekkan tempoh iklan daripada minimum 21 hari berturut-turut kepada minimum 7 hari berturut-turut, pihak Kementerian/PTJ hendaklah memuat naik PP/PK 2.17 dalam Sistem eP sebagai rujukan 'Pelulus BPK' (tab 'Bahagian Perolehan Kerajaan' → 'Muat Naik'). Kementerian/PTJ dinasihatkan untuk melaksanakan proses pengiklanan sekurang-kurangnya 3 hari lebih awal dari tarikh iklan sebenar mengambil kira tempoh semakan di peringkat 'Pelulus BPK'.

The screenshot shows the 'eP App / Senarai Tugas / Maklumat Sebut Harga/Tender' interface. The main section is titled 'Penyediaan Maklumat Sebut Harga/Tender'. It displays the 'No. Sebut Harga / Tender' as QT250000000000692 and the 'PTJ' as BAHAGIAN PENTADBIRAN - CAWANGAN KEWANGAN - KEMENTERIAN KEWANGAN. The status is 'Menunggu Penyediaan Dokumen'. The interface is divided into several sections: 'KELULUSAN', 'PERINCIAN PERMOHONAN', 'CATATAN', and 'TERDAHULU'. In the 'CATATAN' section, there is a button labeled 'Muat Naik' which is highlighted with a red box and an arrow pointing to it. The text 'Muat naik PP/PK 2.17' is written next to the button.

- (c) Kementerian/PTJ disarankan untuk menetapkan 'Tempoh Sah Laku Tawaran (Hari)' : '90' dalam Sistem eP.


* **Tempoh Sah Laku Tawaran (Hari)**

- (d) Proses perolehan dalam Sistem eP seterusnya dilaksanakan seperti sedia ada sehingga selesai urusan memuktamadkan Surat Setuju Terima (SST).
- (e) Pelaksanaan dalam Sistem eP seterusnya adalah tertakluk pada jenis sekuriti Bon Pelaksanaan atau WJP. Rujuk perenggan 2.2 garis panduan ini.

2.2. Tindakan Kementerian/PTJ mengikut jenis sekuriti perolehan Bon Pelaksanaan atau WJP:

Bon Pelaksanaan

- 2.2.1. Pada peringkat penyediaan sebut harga/tender, Sistem eP akan menetapkan Bon Pelaksanaan secara automatik bagi perolehan yang bernilai melebihi RM200 ribu seperti paparan di bawah. Proses selanjutnya dalam Sistem eP adalah seperti sedia ada.



* Bon Pelaksanaan Ya

Bon Pelaksanaan diperlukan untuk kontrak melebihi RM200,000 sahaja.

Wang Jaminan Pelaksanaan

- 2.2.2. Selaras dengan PP/PK 2.17, bagi perolehan bermasa dengan nilai melebihi RM200 ribu, PP/PK 2.17 membenarkan syarikat memilih WJP sebagai alternatif kepada Bon Pelaksanaan. Walau bagaimanapun, oleh kerana fungsi untuk menggunakan kaedah WJP belum disediakan dalam Sistem eP, maka perolehan dengan kaedah WJP hendaklah menggunakan Sistem eP sehingga ke peringkat memuktamadkan SST sahaja. Proses pengurusan kontrak dan pemenuhan hendaklah dilaksanakan di luar Sistem eP sehingga selesai/tamat kontrak.
- 2.2.3. Bagi kontrak dalam Sistem eP yang tidak diteruskan dan berstatus 'Tidak Lengkap', Kementerian/PTJ perlu mengemukakan permohonan perubahan data bagi menutup kontrak berkenaan melalui eAduan Sistem eP dengan memuat naik surat permohonan rasmi daripada Kementerian/PTJ yang disertakan nombor kontrak (No. Kontrak/No. Dokumen yang dijana daripada Sistem eP, contoh: CT990000000000999). Seterusnya, 'Status Kontrak' akan dikekalkan sebagai 'Aktif' dan 'Status Maklumat Pemenuhan' dikemas kini kepada 'Ditutup Dengan Kelulusan Khas MoF - Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP)' serta tindakan berkaitan dengan kontrak tersebut dikeluarkan daripada senarai tugas Pentadbir Kontrak dalam Sistem eP.
- 2.2.4. Pesanan Kerajaan (termasuk kenan fi perkhidmatan) hendaklah dikeluarkan melalui *Integrated Government Financial Management and Accounting System* (iGFMAS), selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023 Tatacara Pengurusan Bayaran dan SPANM Bilangan 1 Tahun 2023 Tatacara Pengurusan Akaun Deposit serta peraturan-

peraturan lain yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang berkaitan.

2.3. Tindakan Kementerian/PTJ bagi perolehan pembaikan kecemasan semasa beroperasi bot/kapal sehingga had nilai RM500 ribu:

2.3.1. Bagi pembaikan kecemasan semasa beroperasi bot/kapal (sehingga RM500 ribu), PP/PK 2.17 menetapkan bahawa kajian pasaran, SST, Pesanan Kerajaan dan dokumen perjanjian tidak perlu disediakan. Sehubungan itu, Kementerian/PTJ dibenarkan untuk melaksanakan proses perolehan pembaikan kecemasan semasa beroperasi tanpa menggunakan Sistem eP.

2.3.2. Selaras dengan PP/PK 1.14 - Paparan Maklumat Perolehan Melalui Portal MyProcurement, Urus Setia PBM atau Urus Setia Perolehan atau mana-mana pegawai yang diberi peranan Penyedia dalam Sistem Maklumat Bersepadu Perolehan Kerajaan (MyGPIS) hendaklah mengunci masuk keputusan PBM secara manual ke dalam MyGPIS (<https://mygpis.treasury.gov.my>) untuk pengesahan peranan Penyelia dalam MyGPIS bagi membolehkan keputusan PBM dipaparkan di Portal MyProcurement melalui pautan <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

3. PENUTUP

3.1. Garis panduan ini hendaklah dirujuk sepanjang tempoh penguatkuasaan PP/PK 2.17 iaitu mulai 15 Julai 2025 hingga 14 Julai 2027, tertakluk sebarang pengemaskinian lanjut terhadap PP/PK 2.17.

3.2. Sekiranya Kementerian/PTJ menghadapi sebarang masalah untuk meneruskan transaksi dalam Sistem eP, Kementerian/PTJ boleh merujuk Pegawai Penyelaras Kementerian Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) (<https://www.eperolehan.gov.my/ministry-coordinator-officer>) atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan CDCSB (<https://www.eperolehan.gov.my/contact-centre>). Pertanyaan juga boleh dikemukakan melalui menu eAduan dalam Sistem eP.

**Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan
19 Ogos 2025**